

Mangsa banjir semakin meningkat

Paras air Sungai Golok masih melebihi paras bahaya

Lapan sekolah tidak dapat mulakan sesi

TUMPAT - Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan mengumumkan lapan buah sekolah di seluruh negeri ini belum dapat memulakan sesi persekolahan esok disebabkan banjir.

Pengarah JPN Kelantan, Hussain Awang berkata, lima sekolah terbabit adalah di daerah Rantau Panjang, dua di Tumpat dan sebuah di Gua Musang.

Sekolah-sekolah di Rantau Panjang melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang; Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang; SK Sri Rantau Panjang I; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJKC) Kay Boon dan SK Lubok Setol.

"Di Tumpat, sekolah terlibat adalah SK Bendang Pak Yong dan SK Simpangan. Sebuah sekolah di Gua Musang adalah SK Bihai iaitu sekolah bagi pelajar Orang Asli," katanya.

Hussain berkata, keputusan menangguhkan sesi persekolahan itu di-

buat kerana bangunan sekolah terbabit digenangi air atau jalan menuju ke sekolah di tenggelami air menyebabkan terputus hubungan.

"Ini adalah hasil lawatan saya semasa meninjau kawasan sekolah yang terlibat dengan bencana banjir petang tadi," katanya kepada Bernama, di sini.

Beliau berkata SK Bihai di Gua Musang terpaksa ditutup kerana tanah runtuh dan jambatan kayu di situ rosak, manakala SK Lubok Setol kerana jalan ke sekolah itu ditenggelami air menyebabkan hubungan terputus.

Katanya sekolah-sekolah terbabit akan dapat memulakan sesi persekolahan sebaik sahaja banjir pulih dan jalan-jalan di kawasan terbabit siap dibaiki.

"Kita menyerahkan mandat dan budi bicara kepada pihak pengetua atau guru besar dalam menentukan tarikh sekolah terbabit wajar dibuka semula untuk sesi persekolahan awal tahun ini," katanya.



● Berlaku kesesakan apabila pemandu dan penunggang motosikal terpaksa memperlambatkan kenderaan semasa meredah banjir di Rantau Panjang, semalam.

NORAIZURA AHMAD

RANTAU PANJANG - Mangsa banjir di daerah ini semakin meningkat dengan 459 penduduk terpaksa berpindah apabila paras air mencatatkan bacaan 9.96 meter sehingga jam 6 petang, semalam.

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Negeri Kelantan, Mohamad Roslee Mamat berkata, 427 mangsa mula dipindahkan ke pusat pemindahan banjir dan 133

keluarga berpindah di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

"Seramai 32 mangsa daripada 10 keluarga lagi dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi.

"Lapan jalan ditutup untuk semua jenis kenderaan, iaitu Jalan Kampung Gading ke Bakong, Jalan Kubang Pak Hitam ke Kampung Siput, Kampung Binjal ke Kampung Kubang Pak Hitam, Kampung Bakong ke Kampung Binjal, Jalan Pohon Tanjung ke

Kampung Siram, Jalan Kubang Rambutan ke Lubok Stol, Jalan Pak Atoh ke Kampung Jejawi dan Jalan Kampung Lalang ke Kampung Bongor," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan banjir di Stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), di sini, semalam.

Mohamad Roslee berkata, pihaknya sudah membuat persiapan bagi menghadapi banjir di jajahan Tumpat dan sudah membuka bilik gerakan banjir di sana.

Setakat jam 6 petang semalam, paras air di Sungai Golok sudah

mencecah 9.96 meter melebihi paras bahaya.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran negeri, Hussain Awang berkata, tujuh sekolah iaitu enam sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah di negeri itu ditutup akibat banjir.

Sekolah yang terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Rantau Panjang (1), SK Rantau Panjang, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kay Boon, dan SK Lubok Stol di Ran-

tau Panjang.

Katanya, dua sekolah di daerah Tumpat iaitu SK Bendang Pak Yong dan SK Simpangan turut ditutup selepas dinaiki air.

"Kita akan lihat perkembangan banjir ini dan akan membuat keputusan untuk membuka semula sekolah ini esok (hari ini).

"Paras air di jajahan Rantau Panjang semakin menurun tetapi di jajahan Tumpat, paras air semakin naik dan kita akan membuat tinjauan dari semasa ke semasa," katanya.